

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)10

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

10. Bermula 1 Mei 2022, Kerajaan telah menguatkuasakan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 kepada semua majikan yang mengambil lima orang pekerja atau lebih. Berdasarkan perintah tersebut, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meminda sebahagian syarat kelayakan menyewa rumah pangsa Program Perumahan Rakyat (PPR) yang menetapkan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM1,500?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Pada masa kini, syarat penyewaan PPR dan rumah sewa di Pulau Pinang adalah pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM1,500.00 sebulan. Syarat ini didapati lebih rendah jika dibandingkan dengan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM3,000.00 sebulan. Kerajaan Negeri sedang dalam pelarasan pendapatan isi rumah agar selari dengan Nilai Pendapatan Garis Kemiskinan dan pengkelasan isi rumah mengikut kategori miskin tegar dan B40

terkini. Kajian semula dalam penetapan had kelayakan pendapatan isi rumah bulanan ini akan diteliti sepenuhnya sebelum ianya diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.

Sehingga tarikh berakhir 30 April 2024, sebanyak 940 orang pemohon dalam kategori senarai menunggu bagi projek PPR/RSKN dan dalam proses untuk ditawarkan sekiranya terdapat kekosongan unit. Perincian statistik senarai menunggu PPR/RSKN mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.